

# Graduan' pertama terima E-Skrol

BH 27 FEB 2000

CYBERJAYA: Universiti Multimedia (MMU) mencatat sejarah dalam dunia teknologi maklumat apabila 128 graduannya menerima ijazah pada Majlis Konvokesyen pertama universiti di sini, semalam.

Sejarah yang dimaksudkan ialah Universiti Multimedia adalah universiti pertama di dunia menganugerahkan E-Skrol kepada graduannya.

Pada majlis itu, skrol kertas diganti dengan E-Skrol yang ditan-datangani secara digital dan disimpan dalam CD-ROM serta direkodkan dalam kad pintar.

Ia memudahkan graduan membuat permohonan jawatan kosong secara on-line.

Graduan menerima ijazah daripada isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali selaku Canselor MMU, yang dilantik secara rasminya sebagai Canselor semalam.

Graduan yang ditemui bukan saja berbangga menjadi kumpulan pertama yang menerima ijazah bagi universiti itu, malah yakin ilmu yang ditimba mampu

memberi sumbangan kepada perkembangan projek Koridor Raya Multimedia (MSC).

Penerima Anugerah Presiden, Chong Siong Choy, 26, berkata kaedah pembelajaran di universiti itu berbeza daripada pembelajaran di institusi pengajian tinggi lain kerana banyak menekankan isu semasa dan penggunaan aplikasi multimedia.

Katanya, beliau berbangga kerana namanya tercatat dalam sejarah MMU. Chong bercadang meneruskan pengajian peringkat sarjana di universiti itu.

Penerima Ijazah Sarjana Muda Teknologi Maklumat, Engku Nordiana Tuan Ahmad, mengakui sukatan pelajaran di universiti itu adalah terkini dan relevan dengan teknologi maklumat.

Pemegang ijazah Kejuruteraan Elektronik, Mohd keza Az-zuhri, berbangga menjadi graduan pertama universiti itu dan menyarankan pelajar Melayu khasnya berani mencuba bidang baru berkaitan teknologi maklumat.